



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

ANUGERAH IBU GEMILANG IKTIRAF PARA IBU MELALUI LIMA KLUSTER TMW18

TELUK INTAN, 8 MEI 2018 – Bersempena Tahun Memperkasa Wanita 2018, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan Majlis Belaian Kasih Bonda Hamidah bersama warga Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Jalinan Kasih Sg. Manila, Teluk Intan, Perak.

Majlis ini telah dirasmikan oleh isteri kepada Timbalan Perdana Menteri, YABhg. Datin Seri Diraja Hamidah Khamis.

Semasa majlis berkenaan, YABhg. Datin Seri Diraja Hamidah Khamis turut menyampaikan geran sebanyak RM 220,376.60 kepada beberapa Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Daerah Hilir Perak bagi membantu PPDK ini menjalankan aktiviti di pusat masing-masing.

Dato' Suriani Ahmad berkata “Majlis ini juga diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Ibu peringkat kebangsaan yang bakal diadakan pada 15 Mei 2018 ini di Kangar, Perlis. Di mana pihak KPWKM bakal memberi anugerah kepada ibu-ibu berdasarkan kluster-kluster di dalam Tahun Memperkasa Wanita 2018”. Beliau juga mengulas, Anugerah Ibu Gemilang ini adalah bagi mengenal pasti dan mengiktirafkan ibu-ibu yang telah berkorban dari segi masa, tenaga mahupun hidup demi keluarga mereka.

Sebanyak 6 anugerah yang akan dipertandingkan melalui Anugerah Ibu Gemilang 2018 iaitu Kluster Pendidikan, Kluster Kesihatan, Kluster Ekonomi, Kluster Keselamatan, Kluster Kebudayaan dan Khas OKU. Antara kriteria bagi percalonan ini adalah:

- i) Ibu-ibu harus merupakan warganegara Malaysia,
- ii) Had umur mestilah 50 tahun ke atas, ibu yang masih mempunyai anak (masih hidup) dan berjaya,
- iii) Ibu yang berjaya mendidik anak-anak dalam pelajaran, keagamaan serta

sumbangan anak-anak kepada masyarakat adalah diutamakan dan akhir sekali,
iv) Ibu yang berjaya dalam bidang yang diceburi (terdiri dari 5 kluster TMW18) menjadi contoh dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Anugerah ini merupakan kerjasama di antara Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) agensi dibawah kementerian dan juga Puspanita Kebangsaan. Borang pencalonan boleh didapati di www.jpw.gov.my dan borang pencalonan boleh diemelkan ke ibugemilang2018@jpw.gov.my atau melalui pos kepada pihak urusetia Ibu Gemilang 2018 di dan tarikh tutup bagi pencalonan ini telah dilanjutkan pada 11 Mei 2018 (Jumaat).

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) akan mengadakan sambutan Hari Ibu peringkat Kebangsaan 2018 pada 15 Mei 2018. "Ibu Anugerah Terindah" telah dipilih sebagai tema bagi sambutan hari ibu kali ini. Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perempuan Perlis berkenan bercemar duli berangkat ke majlis sambutan tahun ini yang bertempat di Dewan Wawasan 2020, Kangar, Perlis.

Objektif bagi sambutan pada tahun ini adalah bagi meraikan dan memberi penghargaan kepada insan yang bergelar ibu, selain itu untuk mendidik ahli keluarga mengenai kecintaan dan kasih sayang seorang anak kepada ibu mereka. Bahkan diharapkan dengan sambutan ini, ianya dapat memperkukuhkan ikatan hubungan kekeluargaan melalui penerapan nilai dan aktiviti bersama keluarga. Turut sama memberikan kerjasama bagi program ini adalah Siti Khadijah, Andalusia dan ADLA Sdn.Bhd.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

PUTRAJAYA

Tel: 03-8323 1088

Email: info@kpwkm.gov.my